

**Najib Hadir Majlis Aidilfitri Kumpulan Utusan
Bernama
23 Aug, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Kumpulan Utusan yang berlangsung di pejabat Korporat Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini Jumaat.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor pada kira-kira 5.15 petang disambut Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin.

Najib meluangkan masa setengah jam di majlis itu.

Sebelum itu, Pemangku Sultan Perak Raja Dr Nazrin Shah dan isteri Tuanku Zara Salim berkenan berangkat ke majlis itu.

Turut hadir Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Jemputan lain yang hadir ialah Pengerusi Bernama Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972215>